

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

TARIKH : 19 MAC 2015

SOALAN :

YB Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dan peratus doktor pelatih (Houseman) yang tidak menamatkan latihan mereka 5 tahun kebelakangan ini dan apakah sebab-sebab di sebalik kegagalan mereka menamatkan latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut maklumat oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC), 95 peratus daripada Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang berada di posting ke lima telah berjaya melengkapkan latihan siswazah dan diberi Perakuan Pendaftaran Penuh manakala, 5 peratus gagal menamatkan latihan siswazah. Bagi PPS yang gagal menamatkan latihan siswazah dalam masa 2 tahun adalah lebih kurang sebanyak 30 peratus

Terdapat pelbagai faktor penyebab PPS tidak berjaya melengkapkan latihan mereka dan dilanjutkan tempoh latihan antara lain adalah kerana pengambilan cuti yang panjang seperti cuti sakit, cuti bersalin, ketidakhadiran tanpa cuti yang berkelulusan, gagal menyiapkan buku log, tidak kompeten dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 54

Y.B. Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan dapat membaiki kerosakan jalan kereta api disebabkan banjir yang melanda. Berapa anggaran kos pemulihan yang diperlukan untuk memulihkan perkhidmatan kereta api di Pantai Timur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan program pemulihan infrastruktur keretapi dan stokereta bagi sektor yang terjejas akibat banjir iaitu dari Kuala Lipis ke Tumpat bagi membolehkan perkhidmatan keretapi kembali beroperasi. Program pemulihan ini akan mengambil masa antara 12 bulan sehingga 24 bulan untuk siap. Keutamaan akan diberikan kepada sektor Kuala Krai ke Kemubu sepanjang 63.1km yang majoriti penduduknya bergantung kepada perkhidmatan keretapi sebagai pengangkutan utama.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM366 juta bagi melaksanakan kerja-kerja membaikpulih infrastruktur keretapi dan stokereta. Program pemulihan ini telah diberi keutamaan dan akan disegearkan.